



Anwar hadir pada ceramah kempen DUN Paroi di Taman Tuanku Jaafar, malam kelmarin. (Foto Azmi Edham/BH)

# 'Usah politikkan isu kalimah dalam kempen'

Anwar tegaskan peringatan turut dizahirkan Sultan Selangor

bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua parti supaya tidak mempolitikkan isu kalimah Allah pada kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) yang sedang berlangsung ketika ini.

Perdana Menteri berkata, peringatan itu turut dizahirkan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, kepada beliau, baru-baru ini.

"Kita akan cuba perkemas isu kalimah Allah ini untuk kita bawa ke Majlis Raja-Raja dan keputusannya jangan jadikan ini sebagai isu politik, ini arahan baginda... raja-raja akan memperkemaskannya atas cadangan Kerajaan Persekutuan.

"Apa (Pengerusi Perikatan Nasional) Tan Sri Muhyiddin (Yassin) kata? Masih gunakan isu Allah," katanya dalam ceramahnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paroi, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun yang juga calon DUN Sikamat.

Muhyiddin sebelum ini dilaporkan mempersoal kewajaran kerajaan

tidak meneruskan permohonan semakan kehakiman membabitkan kes kalimah Allah dalam kes Jill Ireland.

Ketika ceramah di Kapar, Selangor baru-baru ini, Muhyiddin mendakwa keputusan kerajaan menggugurkan rayuan kes Ireland pada Mei lalu membuktikan pentadbiran Anwar bersetuju dengan keputusan mahkamah bahawa penganut Kristian boleh menggunakan kalimah Allah.

Mei lalu, media melaporkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan kerajaan Malaysia menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bahawa penganut Kristian boleh menggunakan kalimah Allah dan tiga perkataan Arab, iaitu Baitullah, kaabah dan solat dalam penerbitan bahan agama mereka bagi tujuan pendidikan.

Dalam ceramah sama, Anwar menggesa seluruh pengundi Negeri Sembilan memberi sokongan kepada calon daripada parti Kerajaan Perpaduan untuk memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 12 Ogos ini.

Beliau berkata, sokongan yang diberikan rakyat kepada kerajaan menerusi PRN, akan turut memperkuat Kerajaan Perpaduan pada peringkat Persekutuan dan negeri ini.

"Mudah-mudahan dengan sokongan semua, kita dapat buat perubahan. Saya harap sokongan kepada calon DUN Paroi, Norwani Ahmad. Kemenangan beliau akan memperkuat Kerajaan Perpaduan di negeri ini.

"Rekod Datuk Seri Aminuddin Harun sebagai Menteri Besar ne-

geri ini antara yang baik dan harus diberikan sokongan padu kepada beliau," katanya

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan, ketika berucap di Taman Ampangan pula, Anwar berharap gabungan PH-BN di Negeri Sembilan, mampu menang dengan bergaya pada PRN kali ini sekali gus mengekalkan pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

"Bayangkan Anwar sekarang kempen untuk BN... tapi inilah semangat perpaduan tulen di negara kita. Tempat PH pun saya datang kempen, tempat BN pun saya kempen kerana ini semua calon saya," katanya.

Anwar juga turut mengulangi tekad untuk menoktahkan kemiskinan tegar semua lapisan masyarakat di negara ini pada tahun ini yang membabitkan kira-kira 136,000 keluarga.

Beliau berkata, usaha ke arah itu membabitkan semua jentera kerajaan, selain anggota parti dalam Kerajaan Perpaduan.

"Tahun ini, saya nak pecah rekod, bukan rekod mercu tanda bangunan tertinggi di dunia, bukan jambatan megah, bukan kubu indah... tak guna ada kereta besar, rumah besar tapi kebajikan orang miskin tak ambil tahu. Ahli Parlimen PAS, BERSATU kata tak mungkin, tapi saya kata kita kerah seluruh menteri dan jabatan kerajaan (untuk noktahkan kemiskinan)," katanya.

Sementara itu, Anwar, ketika berucap di Bandar Enstek, Labu di Nilai, menyuarakan keyakinannya kemenangan kepada Kerajaan Perpaduan pada PRN kali ini berikutan kebangkitan sokongan yang ditunjukkan rakyat terhadap kerajaan.